









Student

559 pelajar baharu sesi 2024/2025 daftar di UMPA

10 March 2025

GAMBANG, 8 Mac 2025 - Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Profesor Dr. Yatimah Alias, hari ini berkesempatan untuk menyantuni pelajar baharu Pengajian Ijazah Sarjana Muda bagi Sesi Akademik 2024/2025 yang mendaftar di UMPA Kampus Gambang.

Dalam kesempatan yang sama, beliau turut bertemu dan bemesra dengan ibu bapa yang hadir, di samping mempererat lagi hubungan antara pihak universiti dan keluarga pelajar.

Kehadiran ibu bapa, keluarga, dan pelajar-pelajar baharu di sesi pendaftaran ini telah memberikan suasana yang penuh kegembiraan dan harapan.



Seramai 559 pelajar baharu UMPSA mendaftar di kedua-dua kampus dan daripada jumlah ini seramai 271 pelajar mendaftar pengajian di kampus UMPSA Gambang manakala 288 pelajar mendaftar di UMPSA Pekan.

Hadir sama adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Ts. Dr. Mohd Ruslim Mohamed, serta Pengurus Besar JHEPA, Haryani Abdullah.



Menurut Profesor Dr. Yatimah Alias, kemasukan ke UMPSA adalah satu langkah penting dalam perjalanan pendidikan.

"Universiti ini mengalu-alukan pelajar baharu dengan penuh harapan dan keyakinan bahawa mereka akan mencapai kejayaan cemerlang, seterusnya menjadi individu yang berdaya saing serta memberi impak positif kepada masyarakat dan negara.

"Selamat datang ke keluarga UMPSA, semoga perjalanan di sini penuh dengan ilmu, kejayaan, dan pengalaman bermakna," ujarnya.

Disediakan Oleh: Siti Nur Azwin Zulkapri, Pusat Komunikasi Korporat

TAGS / KEYWORDS

[559 Pelajar Baharu Mendaftar Di UMPSA](#)

• 135 views

[View PDF](#)

